

PM: Mesti hentikan perniagaan

BM 15 JUL 1984

KUALA LUMPUR, Sabtu — Semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mesti menghentikan penyeritaan langsung mereka dalam perniagaan apabila dilantik menganggotai kabinet, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini.

Bagaimanapun, mereka akan diberi tempoh yang berpatutan untuk berbuat demikian atau menyerahkan pengurusan perniagaan mereka kepada orang lain atau ahli keluarga, katanya.

Perdana Menteri memberitahu demikian sebagai menjawab soalan daripada para wartawan mengenai perlantikan seorang ahli perniagaan yang terkemuka, Encik Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan yang baru dalam rombongan Kabinet yang diumumkan hari ini.

Ditanya sama ada Encik Daim berkemampuan mengendalikan Kementerian itu, Perdana Menteri menjawab: "Saya fikir beliau boleh mengendalikannya."

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, beliau sendiri pernah dilan-

ti di Kementerian Pelajaran tanpa sebarang pengalaman dan tanpa terlebih dahulu menjadi Setiausaha Parlimen.

Sebagai contoh, katanya, Encik Anwar juga dilantik dalam Kabinet beberapa hari selepas beliau menjadi Ahli Parlimen.

Ditanya sama ada beliau mempunyai "sebab istimewa" memindahkan Menteri Kebudayaan, Beliau dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim ke Kementerian Pertanian, **Datuk Seri Dr Mahathir** menjelaskan, langkah seumpama itu akan memberi peluang kepada para menteri menimba pengalaman dalam pelbagai bidang.

Oieh' itu, katanya, pertukaran Kementerian itu membabitkan beberapa menteri dan Timbalan Menteri lain, bukan Encik Anwar seorang sahaja.

Katanya, walaupun Encik Anwar tidak lama di Kementerian, Kebudayaan, Beliau dan Sukan, tetapi sebelum itupun, beliau berdamping rapat dengan golongan beliau di negara ini.

Mengenai pertukaran Tengku Razaleigh Hamzah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Perdana Menteri menolak anggapan bahawa pertukaran itu dibuat kerana bekas Menteri Kewangan itu bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden Umno baru-baru ini atau atas tekanan mana-mana pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, beliau berpendapat semua menteri patut bertukar Kementerian, lagipun Tengku Razaleigh sudah lapan tahun di Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sesuai untuk beliau.

Ditanya apakah pertukaran itu bererti Tengku Razaleigh telah "turun pangkat" kerana Menteri Kewangan dianggap jawatan "kanan" dalam kerajaan, Perdana Menteri menegaskan, perkara kekananan dalam Kementerian tidak pernah wujud seperti yang disangkal.

Katanya, ada orang yang menganggap siapa yang menjadi Menteri Pelajaran, selepas itu akan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Awak boleh mentafsirkan begitu, tetapi kita tidak menganggap sesiapa sebagai kanan berdasarkan Kementerian yang dipegangnya, tambah beliau.

Malah, jelas beliau, ramai lagi menteri lain yang lebih kanan daripada Tengku Razaleigh seperti **Datuk Samy Vellu**, **Datuk Dr Neo Yee Pan** dan **Tengku Ahmad Rithauddeen**.

Mengenai tiga menteri, **Datin Paduka Hajah Aishah Ghani**, **Datuk Haji Manan Othman**. Tan Sri **Ghazali Shafie** dan dua Timbalan Menteri, **Datuk Suhaimi Haji Kamaruddin** dan **Datuk Dr Nik Hussein Abdul Rahman**, yang melepaskan jawatan masing-masing, **Datuk Seri Dr Mahathir** menjelaskan, mereka sendiri yang menghantar surat perletakan jawatan.

Mengenai MCA, Perdana Menteri menegaskan, parti itu bertanggungjawab mengatasi masalah yang sedang dihadapi dan berharap ia dapat diselesaikan.